



**KENYATAAN MEDIA
MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP)
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
SESI 2025/2026**

**PENDIRIAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
BERKAITAN PENGLIBATAN MAHASISWA DALAM HIMPUNAN AMAN AUKU**

Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Teknologi Malaysia (MPP UTM) mengambil maklum berkenaan perkembangan semasa melibatkan perbincangan mahasiswa seluruh negara berkaitan himpunan aman berhubung Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) yang akan berlangsung pada 9 Februari 2026 ini.

Sebagai badan perwakilan mahasiswa, MPP UTM melihat mahasiswa hari ini sebagai kelompok intelektual yang mampu berfikir secara matang, rasional dan bertanggungjawab dalam menilai sesuatu isu. Mahasiswa bukan sahaja warga universiti, malah warganegara yang mempunyai hak untuk menyatakan pandangan serta berhimpun secara aman selagi mana ia dilaksanakan mengikut lunas undang-undang dan semangat demokrasi negara.

Sehubungan itu, MPP UTM tidak mengambil pendirian untuk melarang secara mutlak mana-mana mahasiswa daripada menyertai sebarang perhimpunan aman yang sah di sisi undang-undang. Namun, MPP UTM menyeru agar seluruh mahasiswa:

1. Membuat pertimbangan secara matang dan rasional sebelum menyertai mana-mana himpunan atau aktiviti awam dengan memahami tujuan serta implikasi setiap tindakan.
2. Mengamalkan disiplin, etika dan profesionalisme sepanjang penglibatan dalam apa jua ruang advokasi atau himpunan aman.
3. Mengelakkan sebarang bentuk provokasi, ekstremisme atau tindakan di luar batas undang-undang agar himpunan aman kekal sebagai ruang wacana yang sihat dan berprinsip.
4. Menjaga imej mahasiswa sebagai golongan berilmu dan berintegriti serta memelihara nama baik keluarga dan institusi pendidikan tinggi negara.

MPP UTM menghormati peranan pihak pentadbiran universiti serta Kementerian Pendidikan Tinggi dalam memastikan kesejahteraan mahasiswa dan keharmonian sektor pendidikan tinggi sentiasa terpelihara. Dalam masa yang sama, MPP UTM percaya bahawa ruang dialog dan perbezaan pandangan yang disalurkan secara beradab merupakan sebahagian daripada proses kematangan demokrasi dalam kalangan generasi muda.

Mahasiswa harus terus dilihat sebagai suara intelektual yang membawa perubahan melalui hujah, nilai dan adab, bukan sekadar emosi atau reaksi. Setiap tindakan harus mencerminkan kematangan seorang mahasiswa yang berilmu, berprinsip dan bertanggungjawab terhadap masyarakat serta masa depan negara.

MPP UTM yakin bahawa mahasiswa Universiti Teknologi Malaysia mampu menampilkan contoh kepimpinan mahasiswa yang matang, seimbang dan berwibawa dalam mendepani sebarang isu nasional.

Sekian, terima kasih.

Majlis Perwakilan Pelajar
Universiti Teknologi Malaysia
Sesi 2025/2026

8 Februari 2026